



Empat inisiatif digital perkukuh pasaran modal Malaysia

Mohd Zaky Zainuddin

Oktober 31, 2022 @ 3:34pm

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) memperkenalkan empat inisiatif berkaitan pendigitalan bagi memperkuatkannya pasaran modal negara khususnya menyokong perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta syarikat peringkat pertengahan (MTC).

Pengerusi SC, Datuk Seri Dr Awang Adek Hussin, berkata inisiatif bagi merangsang pertumbuhan dan membantu menyokong pemulihian ekonomi negara dijangka membuka ruang liberalisasi selanjutnya pasaran modal.

Beliau berkata, inisiatif baharu itu termasuk juga membuka pasaran pembiayaan alternatif kepada peserta baharu bagi menampung permintaan yang semakin meningkat oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta MTC.

Katanya, inisiatif baharu merangkumi langkah meningkatkan akses PMKS kepada pembiayaan membabitkan pendaftaran pengendali pasaran pendanaan awam ekuiti (ECF) dan pembiayaan rakan setara (P2P) baharu dengan penyelesaian serta cadangan nilai syariah, selain pendaftaran pengendali P2P baharu yang memberi tumpuan kepada penawaran instrumen pembiayaan berdasarkan hutang oleh MTC dan syarikat lebih besar.

"Bagi dua inisiatif membabitkan langkah menggalakkan inovasi dan membina keupayaan melalui pendigitalan pula, ia akan merangkumi inisiatif pendaftaran pengendali pasaran yang diiktiraf-pertukaran aset digital (RMO-DAX) baharu bagi memudahkan pelaburan aset digital terkawal.

"Satu lagi inisiatif adalah penubuhan Dana Inovasi Digital (DIGID) berjumlah RM30 juta bagi menggalakkan pendigitalan pasaran modal," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif SC, Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin.

Awang Adek berkata, sejak pengenalan rangka kerja kawal selia untuk platform pembiayaan alternatif seperti ECF dan pembiayaan P2P, inovasi berdasarkan pasaran itu telah meluaskan akses kepada modal untuk PKS dan perniagaan baharu yang inovatif.

Katanya, sehingga Jun 2022, sejumlah RM3.5 bilion modal telah dikumpul melalui 41,000 kempen oleh lebih 5,400 PKS sejak rangka kerja itu dimulakan.

"Untuk manfaatkan lagi potensi platform pendanaan ECF dan pembiayaan P2P, SC akan membuka permohonan baharu untuk pendaftaran pengendali pasaran ECF dan P2P dan pendaftaran pengendali P2P untuk menawarkan instrumen pembiayaan berdasarkan hutang," katanya.

Beliau menjelaskan, ke arah menggalakkan dan memudahkan transformasi digital pasaran modal yang lebih besar dan pantas, SC bergerak ke hadapan dengan agenda digitalnya bagi meningkatkan penyertaan pelabur dan membangunkan ekosistem pasaran modal yang lebih sinergi.

"Menerusi pendaftaran pengendali RMO-DAX baharu, ia menyaksikan SC terus mempromosikan inovasi yang bertanggungjawab dalam ruang aset digital, sambil memastikan perlindungan yang mencukupi bagi kepentingan pelabur.

"Bagi inisiatif membabitkan DIGID pula, ia disasarkan untuk menggalakkan peserta pasaran modal yang lebih kecil menggunakan pakai penyelesaian digital yang inovatif dan pembangunan penyelesaian yang memberi kesan kepada aktiviti penjanaan modal dan pelaburan.

"Pihak yang berminat dijemput untuk mengemukakan permohonan mereka mulai 1 Januari 2023. Calon yang berjaya akan menerima pembiayaan secara bayaran balik selepas memenuhi penyerahan pencapaian yang telah dipersetujui. Jumlah pembiayaan akan menampung sehingga 70 peratus daripada perbelanjaan kelayakan yang diluluskan, dihadkan pada RM500,000 setiap projek," katanya.